



Arahan cuti CFO MSM dilanjutkan hingga 15 Januari



Kuala Lumpur: Arahan cuti Ketua Pegawai Kewangan (CFO) MSM Malaysia Holdings Bhd Mazatul Aini Shahar Abdul Malek Shahar akan dilanjutkan dari 15 Disember 2023 hingga 15 Januari 2024 atau sehingga tempoh yang dimaklumkan kelak.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini, MSM berkata operasi perniagaan akan diteruskan seperti biasa dan pengumuman lanjut dibuat jika terdapat sebarang perkembangan penting berkaitan perkara itu.

Pada 3 November lepas, MSM yang mengendalikan perniagaan gula FGV Holdings Bhd, memaklumkan Bursa Malaysia bahawa Mazatul Aini telah diarah cuti sementara berkuat kuasa pada 20 Oktober 2023 sehingga 15 Disember 2023, bagi membantu siasatan dalaman.

Disiarkan pada: Disember 8, 2023 @ 2:49pm

HEADLINE	Arahan cuti CFO MSM dilanjutkan hingga 15 Januari
MEDIA	Harian Metro - Online
DATE	08 December 2023, 2.49pm
BY	-
LINK	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/12/1038548/arahan-cuti-cfo-msm-dilanjutkan-hingga-15-januari